



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Panduan Pengurusan

KENAIKAN PANGKAT SECARA FLEKSI



UTHM
www.uthm.edu.my

**BAGI
STAF PENTADBIRAN
KUMPULAN PENGURUSAN
DAN PROFESIONAL**

**Disediakan Oleh:
Bahagian Sumber Manusia
Pejabat Pendaftar**



1.0 TUJUAN

Panduan pengurusan ini bertujuan bagi melaksanakan urusan kenaikan pangkat secara fleksi kepada staf pentadbiran kumpulan pengurusan dan profesional di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 1 Tahun 2015 yang bersidang pada 24 Februari 2015 telah meluluskan Panduan Pengurusan Kenaikan Pangkat Secara Fleksi Bagi Staf Pentadbiran Kumpulan Pengurusan dan Profesional di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

2.2 Peraturan ini terpakai kepada staf pentadbiran kumpulan pengurusan dan profesional yang dilantik secara tetap.

2.3 Tempoh perkhidmatan yang tidak diambil kira bagi tujuan kenaikan pangkat secara fleksi meliputi tempoh percubaan dengan denda, jumlah hari staf tidak hadir bertugas tanpa kebenaran, semua jenis cuti yang tidak dibayar gaji dan semua jenis cuti yang dibayar separuh gaji kecuali Cuti Belajar Tanpa Gaji dan Cuti Belajar Separuh Gaji.

3.0 SYARAT-SYARAT KENAIKAN PANGKAT

3.1 Kriteria Umum

- (a) telah disahkan dalam perkhidmatan di UTHM;
- (b) tempoh perkhidmatan di gred semasa;

Gred	Tempoh minimum perkhidmatan yang diperlukan
41 ke 44	8 tahun
44 ke 48	6 tahun
48 ke 52	6 tahun
52 ke 54	6 tahun

- (c) telah mengisytiharkan harta;
- (d) melepasi tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- (e) bebas daripada hukuman tatatertib;
- (f) bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar dari institusi pinjaman pendidikan; dan
- (g) syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh kerajaan seperti di dalam skim perkhidmatan jawatan berkenaan.

3.2 Kriteria Asas

- (a) Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) :
 - sekurang-kurangnya 85% purata untuk 3 tahun terkini (pemberatan yang diberi untuk setiap tahun nilai adalah berdasarkan wajaran 20:35:45)
 - contoh : permohonan bagi tahun 2015,
 - Tahun 1 (2014) = wajaran 45%
 - Tahun 2 (2013) = wajaran 35%
 - Tahun 3 (2012) = wajaran 20%
- (b) Perakuan Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan :
 - penilaian daripada Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan.

3.3 Kriteria Kecemerlangan

Aspek kecemerlangan perlu dilampirkan dengan bukti / sokongan / pengesahan merujuk kepada :

- (a) Inovasi iaitu idea baru atau penambahbaikan dalam bidang tugas yang memberi impak kepada proses kerja, kepuasan pelanggan, penjimatan kos dan masa.
 - Contoh : melalui pelaksanaan projek KIK dan 5S, penglibatan dalam penyediaan Dasar, Polisi, Peraturan, Garis Panduan, Pembangunan Sistem, Aplikasi ICT dan lain-lain berkaitan.
- (b) Program Sangkutan di bawah Pelaksanaan Program Pengurusan Bakat atau mengikut peraturan yang ditetapkan di bawah Dasar Latihan Staf UTHM.

Gred	Pelaksanaan	Tempoh
41 ke 44	sangkutan dalam UTHM/ agensi luar/ IPT dalam atau luar negara/ program outreach yang diiktiraf oleh universiti.	Tempoh pelaksanaan sepertimana yang ditetapkan dalam Program Pengurusan Bakat atau mengikut peraturan yang ditetapkan di bawah Dasar Latihan Staf UTHM.
44 ke 48	sangkutan antara industri/ agensi luar/ IPT dalam atau luar negara / program outreach yang diiktiraf oleh Universiti.	
48 ke 52		
52 ke 54		

(c) Pusingan Kerja/ Pakar Bidang/ *Subject Matter Expert* (SME)

(i) Pusingan Kerja iaitu telah melalui sebahagian daripada bidang tugas skim masing-masing. Penetapan pusingan kerja disebabkan oleh keperluan Universiti atau tempoh yang mencukupi di PTJ terdahulu, bukannya kerana tindakan tatatertib, kecuaiian atau berhadapan dengan masalah prestasi dalam organisasi.

- contoh untuk Skim Perkhidmatan Pegawai Tadbir, bidang/skop termasuklah Akademik, Hal Ehwal Pelajar, Sumber Manusia, Kewangan, Penyelidikan, Inovasi, Penerbitan dan Perkhidmatan.

(ii) Pakar Bidang / *Subject Matter Expert* (SME) yang mana staf dilantik/ diperaku menjadi *resource person* dalam bidang tertentu atau menguasai beberapa bidang mengikut skim atau tempoh perkhidmatan dalam satu-satu jabatan/ bahagian bagi suatu tempoh munasabah yang ditetapkan oleh Universiti.

Gred	Minimum bidang (dikira secara kumulatif)	Bidang / Skop Tugas
41 ke 44	3	Governan, Pentadbiran, Akademik, Hal Ehwal Pelajar, Sumber Manusia, Kewangan, Penyelidikan, Inovasi, Penerbitan, Sistem Maklumat, Pengantarabangsaan, Makmal, Peralatan, Pengurusan Projek dan lain-lain mengikut skim.
44 ke 48	4	
48 ke 52	5	
52 ke 54	6	

- (d) Sumbangan di Luar Tugas Hakiki dan Khidmat Masyarakat iaitu penglibatan atau memegang jawatan diperingkat Universiti, Kebangsaan dan Antarabangsa.
- (e) Penulis kertas kerja, Pembentang kertas Kerja, Penceramah atau Pemudah Cara akan diambil kira bagi tempoh sepanjang perkhidmatan melalui mesyuarat/ bengkel/ kursus/ seminar/ kolokium/ persidangan.

3.4 Kriteria Khusus

Aspek khusus perlu dilampirkan dengan bukti / sokongan/ pengesahan merujuk kepada :

- (a) Penjanaan pendapatan atau penjimatan perbelanjaan Universiti melalui idea/ aktiviti yang dipersetujui dan digunakan oleh pengurusan Universiti.
 - Contoh: membawa masuk geran penyelidikan, penjanaan melalui sewaan ruang dan lain-lain berkaitan.
- (b) Penganjuran atau penglibatan dalam program.
 - Contoh: penganjuran majlis kebudayaan, acara sukan dan majlis lain yang diiktiraf.
- (c) Penglibatan dalam kumpulan penyelidikan atau pengurusan peralatan penyelidikan.
 - Contoh: penglibatan dalam aktiviti kaji selidik di makmal dalam projek penyelidikan.
- (d) Penyeliaan, pengurusan projek atau pembangunan sistem.
 - Contoh: sistem yang telah dibangunkan memberi impak kepada peningkatan imej Universiti dan menjadi perintis kepada agensi atau IPT lain.

3.5 Kriteria-Kriteria Lain

- (a) kehadiran harian.
Mempunyai rekod 'BAIK' sepanjang 12 bulan terakhir.
- (b) kehadiran majlis anjuran Universiti.
Melebihi 30 kali dalam tempoh 3 tahun.
- (c) Kehadiran Program Pembangunan Individu/ program setaraf anjuran Pejabat Pendaftar, UTHM.
- (d) Anugerah dan pengiktirafan yang diterima peringkat Universiti, Kebangsaan dan Negara.
(Contohnya: Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Anugerah Sukan, Anugerah Penerbitan, Anugerah Inovasi dan sebagainya).
- (e) i) Kelayakan akademik tambahan / kelayakan profesional
 - diperolehi di gred semasa.
 - dikira sekali sahaja iaitu bagi permohonan di gred semasa.
 - ii) Kemahiran bahasa lain
 - memperolehi sijil / pengiktirafan dalam bahasa lain selain daripada bahasa ibunda.
 - Setiap bahasa tambahan dikira sekali sahaja sepanjang perkhidmatan.

3.6 Temuduga

Proses temuduga bagi gred 52 ke 54.

4.0 TABURAN MARKAH PENILAIAN

Kriteria	Julat markah			
	41 ke 44	44 ke 48	48 ke 52	52 ke 54
A. Syarat Umum	5	5	5	5
B. Asas	40	30	30	30
C. Kecemerlangan	40	50	50	30
D. Khusus	5	5	10	10
E. Lain-lain	10	10	5	5
F. Temuduga	-	-	-	20
Markah Penuh	100	100	100	100
Markah minimum 80 layak dipertimbangkan kenaikan pangkat.				

5.0 KAEDAH PELAKSANAAN

- 5.1 Staf yang berkelayakan akan dipelawa untuk mengemukakan permohonan.
- 5.2 Staf yang melepasi syarat-syarat kenaikan pangkat dan melepasi markah minimum, akan dikemukakan ke Jawatankuasa Pemilih Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Kenaikan Pangkat) untuk perakuan.
- 5.3 Jawatankuasa Pemilih berhak menetapkan kriteria tambahan dan meminta dokumen sokongan berdasarkan maklumat yang dikemukakan semasa permohonan.
- 5.4 Permohonan yang berjaya akan diangkat ke Jawatankuasa Eksekutif Universiti untuk kelulusan.